

Pusat Keselamatan Siber Nasional ditubuh

Oleh HELMI MOHD FOAD

CYBERJAYA 7 April – Kerajaan akan menubuhkan Pusat Keselamatan Siber Nasional sebagai usaha pencegahan terhadap sebarang cubaan serangan ke atas sistem data dan maklumat negara.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NICT) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini hari ini.

Mesyuarat tersebut juga bersetuju supaya pusat yang akan berpangkalan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu beroperasi secepat mungkin.

Perdana Menteri berkata, satu kerangka kerja, perundangan dan peraturan mengenai penggunaan, pembangunan dan pemasaran industri teknologi maklumat (ICT) perlu diwujudkan bagi menghadapi sebarang ancaman serangan siber.

4M - 8/4/2006
Salah satu cabaran adalah serangan siber melalui rangkaian telekomunikasi, umpamanya pengurusan bekalan tenaga, air, pengangkutan dan operasi kewangan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

“Salah satu cabaran baru ini adalah serangan siber melalui rangkaian telekomunikasi, umpamanya pengurusan bekalan tenaga, air, pengangkutan dan operasi kewangan dan perbankan, perkhidmatan telekomunikasi dan kesihatan.

“Akibat daripada serangan siber mungkin sama atau lebih dahsyat daripada serangan fizikal sekiranya tidak dikawal secara rapi, ia bukan hanya mampu mengganggu aktiviti masyarakat malah mengugut keselamatan rakyat,” katanya ketika berucap pada majlis pembukaan mesyuarat tersebut di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Datuk Seri Effendi Norwawi; Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Mengenai penapisan kandungan multimedia, Perdana Menteri berkata, perkara tersebut perlu dilakukan bagi melindungi remaja dan kanak-kanak daripada mencapai kandungan yang tidak sesuai untuk mereka.

“Selain ibu bapa, organisasi korporat yang mendapat keuntungan daripada perkhidmatan tersebut perlu sedar dan memikul tanggungjawab sosial terse-

but,” katanya.

Abdullah juga mahu pengusaha produk aplikasi teknologi 3G membangunkan kandungan yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat bagi membolehkan ia menjadi satu bidang pertumbuhan baru.

“Mekanisme pembiayaan sedia ada perlu diperkukuhkan, kita perlu mengkaji dan menilai di peringkat mana rantaian pembangunan kandungan yang memerlukan pembiayaan dan penyediaan kemudahan seperti makmal dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, Jamaluddin yang ditemui pemberita selepas itu berkata, penubuhan pusat tersebut akan dilaksanakan segera dengan kerja-kerja awal dijalankan oleh agensi di bawah kementerianannya.

“Setakat ini kita belum menentukan siapa yang akan mengetuai pusat tersebut dan keseluruhan maklumat terperinci mengenainya termasuk kos akan diumumkan kemudian,” katanya.